

TALKING POINT
BRIG JEN DATO PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI
LETTER OF INTENT ANTARA UniMAP DAN AIR ASIA BHD.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yg Bhg. Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi UniMAP),

Yg. Bhg. Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP,

Yg. Berhormat Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, Ahli Parlimen Kangar,

Yg. Bhg Dato' Abdul Nasser Abu Kassim, Ketua Serantau Pembangunan Perniagaan Kerajaan dan Timur Tengah Air Asia Berhad,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Delegasi dari Air Asia Bhd.

Kakitangan UniMAP, wakil-wakil media Seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Selamat Petang, Good Afternoon dan Salam Satu Malaysia.

- Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan inayahnya dapat kita sama-sama berkumpul pada petang yang berbahagia ini untuk satu majlis yang sangat bererti.
- Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan Ahlan Wasahlan – Selamat datang untuk delegasi Air Asia ke UniMAP hari ini. Semoga pertemuan kita pada hari ini akan terus mengeratkan ukhuwah di antara kita.
- Saya juga amat berharap agar inisiatif UniMAP-Air Asia untuk menandatangani **Letter of Intent** dengan Airasia Berhad petang ini akan membolehkan lebih banyak kerjasama dijalinkan antara UniMAP dan Air Asia.
- Saya percaya, jalinan kerjasama ini akan mewujudkan situasi menang-menang antara kedua-dua pihak yang saling memerlukan untuk operasi organisasi masing-masing.

Hadirin sekalian,

- Kerjasama ini adalah lanjutan daripada kunjungan yang dibuat oleh Dato' Abdul Nasser Abu Kassim pada 24 Disember 2009 yang lalu.

- Kerjasama ini dibuat susulan kejayaan AirAsia mendapat kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) bagi menawarkan servis penerbangan kpd kakitangan kerajaan bagi perjalanan rasmi menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA).
- Susulan pertemuan itu, UniMAP amat tertarik dengan pakej yang ditawarkan oleh AirAsia. Antaranya:
 - Pembatalan dan penundaan perjalanan boleh dilakukan tanpa kerugian (*refundable*/tidak hangus)
 - Harga yang ditawarkan adalah tetap tanpa mengira tarikh tempahan (walaupun saat akhir).
- Sesungguhnya, pakej yang ditawarkan oleh Air Asia ini amat berbaloi dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga UniMAP yang seringkali menggunakan pengangkutan udara bagi perjalanan tugas luar.

Hadirin sekalian,

- Dengan termeterinya perjanjian pada petang ini, ia juga dapat menyokong usaha UniMAP dalam menjayakan menjayakan program “Belanja Berhemah 2010” UniMAP

- Melalui program ini, UniMAP meletakkan beberapa sasaran iaitu :
 - Sasaran pengurangan perbelanjaan Perjalanan menerusi (Vot 21) agar selaras dengan kekangan peruntukan kewangan Universiti dalam Bajet 2010. **(Perbelanjaan *Vot 21* bg *Thn 2009* = *RM 5.35juta* manakala *Peruntukan *Vot 21* yg diterima utk *Thn 2010* hanya *RM 2.8juta*)***
 - Pengurangan bajet (keseluruhan) iaitu sebanyak 17% berbanding tahun sebelumnya perlu diselaraskan dengan perancangan perbelanjaan yang lebih menjimatkan. **(*Kurangan sebanyak *RM 29juta**. *Peruntukan yang diterima pada *Thn 2009* = *RM 176j* berbanding *thn 2010* = *RM 146j sahaja*)***
 - Langkah penjimatan perbelanjaan juga perlu bagi membolehkan aktiviti-aktiviti sedia ada universiti yang telah dirancang tidak terjejas disebabkan pengurangan peruntukan yang diterima pada tahun ini.
- Sesungguhnya, dengan status Air Asia sebagai peneraju industri penerbangan tambang murah di Asean akan

dapat membantu kami melaksanakan program ini dengan jayanya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Akhir kata, saya selaku Naib Canselor UniMAP amat berharap menerusi kerjasama yang dijalinkan ini akan mampu menjayakan hasrat UniMAP disamping menjadi medan permulaan dalam kerjasama yang lebih erat antara UniMAP dgn AirAsia pada masa akan datang.
- Kami juga amat mengharapkan agar UniMAP akan terus ditawarkan layanan istimewa / sewajarnya daripada pihak AirAsia.
- Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh